

Waspada golongan pemesong fikiran

BM 22 NOV 1987

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat berwaspada terhadap individu atau kumpulan yang cuba memesongkan fikiran mereka daripada usaha pembangunan negara.

Katanya, golongan itu menyebarkan pemikiran negatif yang boleh menggugat usaha pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan.

Berucap di majlis makan Persatuan Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PPTD), di sini, malam ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Bentuk pemikiran itu ialah sikap negatif terhadap idea baru yang begitu mudah menolak, sebarang cadangan atau rancangan baru.

"Kedua, ialah pemikiran yang sem-

pit dan 'parochial', tidak berpandangan jauh dan mementingkan hasil yang diperolehi dengan cepat." katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pemikiran negatif itu juga membabitkan pandangan yang menitikberatkan kepentingan peribadi atau kumpulan, tanpa mengira kesan buruk terhadap organisasi, masyarakat dan negara.

"Ada juga pemikiran yang sentiasa mencari kesempatan menindas dan menghalang usaha orang lain, serta hanya melihat keburukan dan kelemahan orang lain.

"Golongan yang berfikir negatif juga adalah mereka yang sedia menerima tahap prestasi rendah yang senang dicapai tanpa banyak usaha gigih," katanya.

Perdana Menteri berkata rakyat perlu menolak dan menyingkirkan se-

gala bentuk fikiran negatif itu.

Oleh itu, gerakan pemulihan perlu diadakan demi kepentingan, kesejahteraan, pembangunan dan keselamatan masyarakat serta negara.

Datuk Seri Mahathir berkata negara juga mengharapkan pemimpin dan pengurus organisasi dapat memikul tanggungjawab mereka dengan baik, bijaksana, bersih, cekap dan amanah.

"Kita hendaklah meningkatkan pengetahuan mengenai tugas kita, menyelia dengan baik kerja yang dibuat oleh mereka yang bekerja di bawah kita dan menentukan segala matlamat dicapai dalam jangka masa dan kos yang ditetapkan.

Perdana Menteri berkata pengurus perlu sentiasa memberi perhatian berat kepada matlamat atau tugas utama organisasinya.

"Kita berharap mereka dapat mendalami dan memahami latar belakang

masalah dan matlamat negara dan mengkaji faedah dan kesan yang mungkin dihadapi sebelum membuat sesuatu keputusan muktamad," katanya.

Beliau menegaskan kejayaan sesuatu organisasi berkait rapat dengan mutu pemikiran pengurus yang mengutamakan daya kreatif, membina, berdisiplin, mengadakan pembaharuan serta teratur.

"Kita tidak mahu lagi melihat, walaupun segelintir, kelompok pemimpin dan pengurus yang kurang cekap, sama ada di sektor awam atau swasta, yang menghalang usaha membina masyarakat maju, aman dan berpadu," katanya.

Perdana Menteri berkata sesebuah negara atau organisasi perlu bergerak dan menerima perubahan bagi memastikan ia maju.